

'Terima kepelbagaian bantu realisasi bangsa Malaysia'

Kuala Lumpur: Pembentukan bangsa Malaysia sukar dicapai selagi setiap kaum dan etnik gagal mendalami serta menerima nilai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Novel Anak Lyndon, berkata etnik minoriti khususnya perlu hormat dan menerima Perlembagaan Persekutuan sebagai rujukan tertinggi.

"Kalau kita mahu Malaysia ke hadapan, kita kena mengenal kepelbagaian, namun etnik minoriti itu perlu hormati Perlembagaan kita.

"Perlembagaan ini dibentuk hasil konsensus pemimpin terdahulu. Namun, konsep bangsa Malaysia sebenarnya sukar dicapai memandangkan gerakan politik kita juga masih berpaksi kepada kaum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Wacana Intelektual: Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, semalam.

Wacana itu turut menampilkan Pengarah Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Abd Halim Hassan; Pensyarah Kanan UPM, Prof Madya Dr Sarjit S Gill serta Pensyarah Kanan Universiti Tunku Abdul Rahman, Prof Madya Dr Chin Yee Mun sebagai ahli panel.

Pensyarah Kanan UPM, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain bertindak sebagai moderator.

Novel berkata, dalam mewujudkan negara sejahtera, kerajaan juga perlu memberi penekanan kepada konsep kebajikan dan keadilan.

"Siapa pun parti pemerintah, perlu melihat Sabah dan Sarawak sebagai sahabat yang perlu diban-



Kalau kita mahu Malaysia ke hadapan, kita kena mengenal kepelbagaian.

Novel Anak Lyndon,
Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

tu. Kemiskinan (di Sarawak) agak besar; masalah infrastruktur agak besar.

"Sarawak keluar minyak banyak, tapi masih banyak yang terkebelakang. Tiba masanya siapa yang memerintah perlu lihat etnik Bumiputera. Kerajaan perlu jadikan permasalahan di Sabah dan Sarawak sebagai isu nasional," katanya.

Sementara itu, Sarjit berkata, masyarakat negara ini ketika ini belum bersedia untuk menerima kepelbagaian, apatah lagi untuk meraikannya.

"Apa guna kita memperjuangkan etnik masing-masing. Apakah peranan kita ahli akademik? Bagaimana kita mahu membawa masyarakat kepada kepelbagaian. Bangsa Malaysia boleh tercapai kalau kita semua boleh menerima kepelbagaian.

"Malaysia milik semua. Seharusnya kita menjadi bangsa Ma-

laysia bukan hanya memperjuangkan bangsa masing-masing. Kita hormati semua etnik, bukan hanya bagi tumpuan kepada isu etnik masing-masing," katanya.

Yee Mun pula berkata, sukar bagi pembentukan bangsa Malaysia selagi ada kaum terutama minoriti merasakan mereka tertindas dan sentiasa berada dalam keadaan 'ketakutan'.

"Contoh dalam isu tulisan Jawi dan khat. Kita lihat sejarah kenapa Dong Zong (Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia) hari ini menolak dasar itu.

"Bagi mereka, pengenalan tulisan Jawi dan khat adalah satu bentuk asimilasi orang bukan Melayu untuk menerima Islam. Gerakan Dong Zong sebenarnya satu cara untuk mempertahankan identiti mereka. Dalam mendepani hal ini, perbincangan berterusan adalah perlu," katanya.